

LATIHAN KATA MAJMUK MANTAP

Lengkapkan ayat di bawah dengan kata majmuk mantap yang betul.

matahari	kerjasama	warganegara	tanggungjawab	tandatangan
sukarela	bumiputera	antarabangsa	setiausaha	kakitangan

1. Syarikat menjual ikan bilis itu diusahakan oleh seorang pemuda _____.
2. Setiap _____ Malaysia berhak untuk memohon dokumen perjalanan sebelum ke luar negara.
3. Untuk menghasilkan ikan pekasam, ikan yang telah diasinkan perlu dijemur di bawah cahaya _____.
4. Alimin adalah _____ Kelab Bahasa Melayu di sekolahnya.
5. Encik Sohar adalah _____ di sebuah syarikat penjualan makanan laut.
6. Encik Jamal menawarkan diri secara _____ untuk menjadi sukarelawan di pusat vaksin.
7. Kami memerlukan _____ daripada semua pihak untuk menjayakan program itu.
8. Sebagai seorang murid, _____ kita adalah hadir ke sekolah dan menyiapkan semua tugas yang diberikan oleh guru.
9. Semua murid perlu mendapatkan _____ daripada ibu bapa sebelum menghantar borang kebenaran untuk perkhemahan itu.
10. Pemain badminton itu telah berjaya mendapat pingat emas dalam perlawanan badminton di peringkat _____.